

Buletin Innoventure

KLUSTER PENGAJIAN PEMBANGUNAN PENGURUSAN & INOVASI



Selamat Bersara YBhg. Datuk Dr. Kamarudin bin Min, Pengarah INTAN

Kami seluruh Warga Kerja Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu ingin mengucapkan selamat bersara dan maju jaya kepada YBhg. Datuk Dr. Kamarudin bin Min, Pengarah INTAN yang bersara wajib pada 6 Julai 2021.

Semoga terus sukses di dunia dan di akhirat. Jutaan terima kasih atas segala jasa dan bakti kepada kami. Allah SWT sahaja yang dapat membalasnya.



Kenangan Januari - Jun 2021

Coretan seorang
Warga Kerja Kluster
Inovasi, INTAN Jalan
Ilmu m/s : 2



Senarai Kursus Januari - Jun 2021

m/s : 3 - 4



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020

m/s : 6

Kenangan Januari - Jun 2021

Coretan seorang Warga Kerja Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu

Ku sangka panas hingga ke petang, rupanya hujan di tengah hari...

Begitulah apa yang dirasakan oleh setiap rakyat Malaysia sepanjang awal setengah tahun 2021 ini. Setelah menjalani rutin PKP yang amat padat pada tahun 2020, kini ia kembali menghantui kita semua pada tahun 2021.

Bermulanya PKP 3.0 pada Mac 2021, sehinggalah tercetusnya Darurat Kesihatan yang akan tamat pada Ogos 2021, pandemik Covid-19 ini seakan-akan tidak akan berakhir dalam masa terdekat. Ribuan jiwa telah terkorban ditambah lagi dengan angka-angka kes baharu yang semakin membimbangkan.

Pada 30 Jun 2021, sejumlah 6,276 kes baharu telah direkodkan. Terdapat pula 62 kes kematian baharu yang menjadikan jumlah rakyat Malaysia yang telah meninggal dunia akibat wabak ini kini berjumlah 5,170 orang.



“Patuhilah SOP di mana sahaja anda berada”

Mimpi ngeri ini akan berterusan dari hari ke hari, minggu ke minggu, bulan ke bulan, sekiranya kita semua tidak mengamalkan kepatuhan terhadap SOP yang telah disarankan oleh pihak berwajib. Justeru, ayuhlah kita sama-sama bersatu untuk mengalahkan virus Covid-19 ini dengan serius. Jangan bagi ruang lagi kepada ia untuk merebak.

Akhir kata, semoga Allah SWT akan melindungi kita semua dan untuk itu marilah kita bersama-sama mendaftar menjadi penerima vaksin demi memenangi peperangan menentang Covid-19 ini. Insya-Allah.

Ditulis oleh: Amir Hamzah bin Shahari, Pustakawan



Senarai Kursus Sepanjang Januari - Jun 2021

Januari		Tarikh
Pengurusan Bencana		12 - 15 Januari
Horizon Baharu KIK		25 - 27 Januari
Februari		Tarikh
Design Thinking Masterclass		9 - 10 Februari
Panel Penilai Horizon Baharu KIK		23 - 24 Februari
Human Resource Champions Siri 1		23 - 25 Februari
Kursus DPA : Pengurusan Sumber Manusia		22 - 26 Februari Sidang 2
Kursus DPA : Pengurusan Majlis		22 - 26 Februari Sidang 3, 4 & 5
Mac		Tarikh
Horizon Baharu KIK		23 - 25 Mac
Kursus DPA : Pengurusan Kreativiti & Inovasi		15 - 26 Mac Sidang 2
Kursus DPA : Pengurusan Sumber Manusia		1 - 5 Mac 15 - 26 Mac Sidang 2 Sidang 1
Kursus DPA : Pengurusan Majlis		8 - 12 Mac Sidang 1 & 2
April		Tarikh
Pemikiran Kreatif		5 - 6 April
Kursus DPA : Pengurusan Kreativiti & Inovasi		12 - 23 April 26 - 30 April Sidang 5 Sidang 1
Kursus DPA : Pengurusan Sumber Manusia		12 - 23 April Sidang 3
INTAN Executive Lecture Series (IELS)	Human Resource	5 April

April		Tarikh
INTAN Executive Lecture Series (IELS)	Innovation	22 April
Mei		Tarikh
Kursus DPA : Pengurusan Kreativiti & Inovasi		2 - 7 Mei Sidang 1
Jun		Tarikh
Pengurusan Harta Intelek dan Pengkomersialan		8 - 11 Jun
Human Resource Champions Siri 2		28 - 30 Jun
MyPortfolio		22 - 23 Jun



Artikel Pilihan

Penulisan akhbar bertajuk Penjawat Awam ‘Barisan Hadapan’ Tepis Infodemik oleh YBrs. Dr. Rohaizan binti Daud, Perunding Latihan Kanan, Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu yang telah disiarkan di Berita Harian pada 5 Mei 2021. Tahniah!

Penjawat awam ‘barisan hadapan’ tepis infodemik



Perunding Latihan Kanan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Oleh Rohaizan Daud
bhrencana@bh.com.my

Sudah lebih setahun negara berhadapan COVID-19. Di negara ini, pandemik memasuki gelombang ketiga dan menyebabkan lebih 1,300 kematian setakat ini. Meskipun kes harian masih tinggi, ia berada dalam trend penurunan dan dijangka stabil menjelang Mei.

Selari perkembangan teknologi terkini, pelbagai maklumat berkaitan COVID-19 mudah didapati. Namun, ia bukan lesen membolehkan kita menyebarkan setiap maklumat daripada sumber tidak sah di media sosial kerana dikhuatiri berita palsu atau tidak tepat.

Gejala infodemik merujuk kepada penggabungan ‘maklumat’ dan ‘wabak’ tidak tepat berkenaan sesuatu perkara. Infodemik mula digunakan sekitar 2003 dan menjadi sebutan semula ketika pandemik COVID-19 melanda dunia.

Infodemik menimbulkan kekeliruan dan salah faham, seterusnya menjadi penghalang usaha penyampaian maklumat secara berkesan.

Walaupun pelbagai kempen dan peringatan diberikan pihak berkaitan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), ia dipandang sepi sesetengah warga negara.

Tanpa memikirkan kesahihan maklumat, perkongsian terus rancak dilakukan sama ada secara

dalam talian atau bersemuka.

Apa lebih mendukacitakan, ada sesetengahnya menyuarakan pandangan dan komen berbau negatif serta menggunakan perkataan kasar.

Ketika dunia memasuki fasa pelaksanaan program imunisasi atau vaksin COVID-19, gejala infodemik bukan sahaja terus rancak, bahkan lebih merisaukan berisiko menggagalkan program berkenaan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), penyebaran maklumat palsu tidak terkawal bukan sahaja menjadi penyebab utama kegagalan program berkenaan, bahkan merencatkan usaha membendung penularan COVID-19.

WHO turut mengenal pasti, keraguan terhadap

vaksin menjadi ancaman sejagat yang timbulnya cerita peningkatan penyakit cegahahan vaksin kerana banyak maklumat salah dan manipulasi maklumat.

Usaha dan perbelanjaan kerajaan menyediakan program vaksinasi sia-sia jika tiada kepercayaan dalam kalangan rakyat untuk menerima vaksin.

Usaha kerajaan meratakan ‘lengkung’ infodemik tidak berhasil tanpa kerjasama masyarakat kerana merekalah yang berhak menentukan segala-galanya. Antara jalan terbaik, menjadikan komunikasi berkesan sebagai kriteria penyampaian maklumat melalui penyemakan kesahihan dengan pihak berwajib.

Justeru, mengambil kira 1.6 juta penjawat awam di negara ini, mereka perlu bertindak sebagai ejen komunikasi berkesan bertanggungjawab untuk menyampaikan maklumat sah.

Dengan kepesatan teknologi, maklumat dan berita boleh didapati sekelip mata, penjawat awam perlu lebih proaktif membantu menyebarkan isu ini. Penjawat awam inilah ‘barisan hadapan’ untuk memastikan infodemik ditangani sebaik mungkin.

INTAN melalui Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi turut menawarkan kursus bagi membantu penjawat awam untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan.

Kematangan berkongsi maklumat dan menyebarkan berita menjadi tanggungjawab bersama. Seterusnya seseorang menjadi lebih selektif dan bijak berkomunikasi sama ada secara semuka atau media sosial.



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2020

Tahniah kepada para penerima APC 2020 dari Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu. Majlis APC 2020 telah dijalankan secara norma baharu secara dalam talian pada 23 Februari 2021. Syabas!



PUAN SUZANA BINTI IBRAHIM

Pegawai Tadbir dan Diplomatik M48



ENCIK SHADRUL AZHAM BIN HAMDAN

Pembantu Tadbir (Kewangan) W19

Berita Perjawatan Januari - Jun 2021

Selamat datang diucapkan kepada para pegawai yang telah melaporkan diri di Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu. Semoga terus sukses di sini.



Encik Elanggovan a/l Balasubramaniam

Timbalan Ketua Kluster

Sub Kluster Pembangunan Pengurusan, Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu

Bertukar masuk: Februari 2021



Puan Norwahidah binti Mohamed Nor

Penolong Pegawai Tadbir

Unit Pentadbiran, Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu

Bertukar masuk: Januari 2021



Puan Aminah binti Mohamad Noor

Penolong Pendaftar (Kewangan)

Unit Kewangan, Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu

Bertukar masuk: April 2021

Kluster Inovasi turut mengambil perjawatan MyStep demi melancarkan pentadbiran organisasi pada tahap terbaik. Berikut adalah senarai pegawai-pegawai MyStep yang telah melaporkan diri pada bulan Mac 2021:

Encik Nazriel bin Shahrul Zaman

Unit Pentadbiran, Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu

Puan Nurul Aziera binti Mt Dahalan

Unit Pentadbiran, Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu

Puan Nurul Jannah binti Hosman

Unit Pentadbiran, Kluster Inovasi, INTAN Jalan Ilmu

Demi menyahut seruan kerajaan untuk melawan pandemik Covid-19 yang semakin meruncing, Kluster Inovasi juga telah terlibat dalam Penugasan Semula Pegawai yang telah diletakkan di bawah Kementerian Sains dan Teknologi (MOSTI). Para pegawai ini membantu di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk menjayakan Program Vaksinasi Kebangsaan. Berikut adalah senarainya :

Nama Pegawai	Bertugas di Pusat Pemberian Vaksin (PPV)
Puan Siti Aminah binti Basri Setiausaha Kursus Unit Latihan	PPV Sunway Pyramid Convention Center Bertugas pada Mac 2021
Puan Rozila binti Basir Pembantu Pustakawan Unit Perpustakaan	PPV Kuala Lumpur Convention Center Bertugas pada Jun 2021

Selamat maju jaya diucapkan kepada pegawai yang telah bertukar keluar. Semoga berjaya di lapangan yang diceburi.

Nama Pegawai	Tempat Bertukar
Encik Hamizam bin Abdulla Zabidi @ Ahmad Zawawi Pegawai Tadbir dan Diplomatik Sub Kluster Pembangunan Pengurusan	Pejabat SUK Selangor Bertukar pada Februari 2021
Encik Mohd Elham bin Mohd Sayuti Penolong Pegawai Tadbir Unit Pentadbiran	Jabatan Pengairan dan Saliran Bertukar pada Januari 2021

Inovasi Sana-Sini

SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA

YBhg. Datuk Kamarudin bin Min
Pegawai INTAN;

YBrs. Puan Salinah binti Ismail
Timbalan Pengarah Kanan INTAN;

YBrs. Dr Salmah binti Sathiman
Ketua Kluster Pembangunan Pengurusan dan Inovasi;

YBrs. Datuk Haji Shamsuddin Bardan
(Pegawai Eksekutif MEF)
Penceramah Jemputan
Pejabat Pendaftar;
Semua Warga INTAN; dan
Peserta IELS yang telah menjayakan

SEMINAR INTAN EXECUTIVE LECTURE SERIES (HUMAN RESOURCE) SECARA HIBRID 5 APRIL 2021 (ISNIN)

Anjuran
KLUSTER PEMBANGUNAN PENGURUSAN DAN INOVASI, INTAN

SEKALUNG PENGHARGAAN KEPADA

YBhg. Datuk Kamarudin bin Min
Pegawai INTAN;

YBrs. Puan Salinah binti Ismail
Timbalan Pengarah Kanan INTAN;

YBrs. Dr Salmah binti Sathiman
Ketua Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi;

YBhg. Dr. Ts. Mohamed Ackiel bin Mohamed
Timbalan Presiden Kanan, Projek-Projek Khas (IT dan Pendidikan) Serba Dinamik Group Berhad (Penceramah Jemputan);

Tuan Syed Mohamad Al Adros bin Tuan Muning
(Moderator);
Pegawai Teknologi Maklumat, I-MATEC;
Semua Warga INTAN; dan
Peserta IELS yang telah menjayakan:

SEMINAR INTAN EXECUTIVE LECTURE SERIES (INNOVATION) SECARA DALAM TALIAN 22 APRIL 2021 (KHAMIS)

Anjuran Kluster Pengajian Pembangunan Pengurusan dan Inovasi



